

PTPTN: Potong gaji ikut New Zealand, Australia

KUALA LUMPUR: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) akan menggunakan kaedah pembayaran balik pinjaman menerusi potongan gaji seperti yang diamalkan di Australia dan New Zealand, tidak lama lagi.

Pengerusinya, Datuk Dr Mohd Shahrur Osman, berkata apabila kaedah itu dilaksanakan, PTPTN akan bekerjasama dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk memotong gaji peminjam berdasarkan pendapatan bulanan yang diperoleh.

“Di negara berkenaan (Australia dan New Zealand), mereka yang melanjutkan pelajaran ke universiti secara automatik akan memperoleh pinjaman. Hanya jika tidak mahu pinjaman, baru mereka perlu mengisi borang tertentu.

“Jadi, peminjam di kedua-dua negara itu yang sudah menamatkan pengajian dan bekerja, secara automatik pula akan membayar pinjaman berdasar-

kan kaedah tertentu mengikut kadar gaji semasa,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau mengulas mengenai peminjam PTPTN yang mengelak membayar balik tunggakan pinjaman sehingga perbadanan itu dilaporkan akan mengalami defisit sebanyak RM46 bilion pada 2020, sekali gus memaksa Kementerian Pengajian Tinggi menjalankan kajian kemampuannya memberi pinjaman pada masa depan.

Mohd Shahrur berharap menerusi kaedah itu, tidak akan berlaku lagi kes di mana peminjam yang masih belum bekerja turut disenarai hitam kerana gagal menjelaskan pinjaman.

Katanya, PTPTN mungkin menimbang cadangan pelaksanaan pemotongan gaji peminjamnya secara terus melalui majikan seperti Potongan Cukai Berjadual (PCB) atau caruman bulanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).